

BAB 5

PENUTUP

5.0 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji akan merumuskan perkara-perkara yang telah dibincangkan oleh bab-bab yang lepas. Tambahan itu, pengkaji juga akan memberi beberapa cadangan tentang perkara yang patut dikaji pada masa yang akan datang.

5.1 Rumusan

Secara umumnya pengkaji mendapati Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong mempunyai kedudukan yang strategik. Hal ini dapat dilihat dari segi kedudukannya yang berdekatan dengan bandar Pulau Pinang, iaitu Georgetown. Selain itu, terdapat banyak kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan dan pihak swasta seperti balai polis, hospital, stesen bas dan masjid turut terletak berhampiran dengannya. Oleh itu, para pelajar dan para guru dapat menikmati kemudahan itu dengan mudah.

Tambahan itu, kedudukan strategik itu juga dapat dilihat dari segi jalinan jalan-jalan utama pada sekolah ini. Antara jalan-jalan utama yang menjalin pada jalan sekolah ini adalah seperti Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim, Jalan Jelutong, Jalan Gelugor, Jalan Perak, Jalan

Penaga, Lebuhraya Gelugor dan Lebuhraya Batu Lanchang. Keadaan ini telah memudahkan sekolah ini untuk berurusan dengan pihak kerajaan dan pihak lain.

Namun dari segi pencapaian sekolah ini, pengkaji mendapati sekolah ini mempunyai pencapaian yang cemerlang dari aspek sukan dan kurikulum. Sekolah ini telah melahirkan beberapa orang ahli sukan yang bernama, baik di peringkat negeri atau di peringkat kebangsaan. Misalnya Lim Lee Lee seorang ahli sukan Karate-Do yang terkemuka di negara kita ini adalah anak buah sekolah ini.

Dari segi aspek kurikulum, persatuan-persatuan dan kelab-kelab sekolah ini telah mencapai beberapa kejayaan yang mencipta nama baik sekolahnya. Antaranya adalah seperti memenangi tempat pertama dalam bahagian Fizik dalam Pameran Sains dan Teknologi Pulau Pinang 1992, memenangi tempat kedua pada Kempenia Kehijauan Pulau Pinang 2002 melalui usaha kelab keceriaannya.

Pencapaian akademik sekolah ini adalah tidak memuaskan terutamanya dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Pencapaian akademik yang tidak memuaskan ini dapat dilihat pada Jadual 3.0 yang menunjukkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dari tahun 1995-2001. Pengkaji juga mendapati pelajar sekolah ini adalah lemah dalam aspek morfologi terutamanya dalam aspek imbuhan. Perkara ini dapat dikesan melalui analisis pengkaji pada sampel-sampel esei-esei yang ditulis oleh mereka. Mereka telah melakukan sebanyak 286 kesilapan daripada 30 esei yang dikaji oleh pengkaji.

Dalam hal ini masalah yang paling besar yang dihadapi oleh pelajar sekolah ini adalah dalam proses pengimbuhan. Pengkaji mendapati pelajar sekolah ini amat lemah dalam aspek ini ketika membentuk sesuatu perkataan. Masalah kesilapan penggunaan imbuhan ini didapati lebih kerap dilakukan berbanding dengan kesilapan-kesilapan lain seperti kesilapan penggunaan kata ganda, kesilapan penggunaan kata hubung, dan kesilapan penggunaan kata sendi. Kebanyakan pelajar sekolah ini tidak dapat menggunakan imbuhan dengan betul ketika membentuk sesuatu kata. Misalnya pelajar sekolah ini kerap menggantikan imbuhan lain daripada menggunakan imbuhan yang sepatutnya dalam membentuk sesuatu kata.

Lantaran itu, peratusan kesilapan dalam aspek pengimbuhan adalah yang paling banyak, iaitu sebanyak 37 % atau 106 kesilapan daripada jumlah keseluruhan kesilapan yang dilakukan oleh sample pengkaji di sekolah ini. Peratusan kesilapan yang tinggi ini jelas menunjukkan pelajar sekolah ini lemah dalam aspek pengimbuhan.

Selain itu, pelajar sekolah ini turut melakukan kesilapan dalam aspek morfem bebas. Mereka telah melakukan sebanyak 24 kesilapan daripada keseluruhan kesilapan yang dilakukan. Hal yang sedemikian menunjukkan pelajar sekolah ini menghadapi kesulitan ketika mempelajari bahasa Melayu.

Jenis kesilapan kata ganda didapati paling kurang dilakukan oleh pelajar sekolah ini. Dalam aspek kata ganda ini pelajar sekolah ini hanya melakukan sebanyak 20 kesilapan atau

7 % daripada jumlah keseluruhan kesilapan yang dilakukan. Akan tetapi hal ini tidak menunjukkan pelajar sekolah ini lebih mahir dalam aspek ini. Hal ini kerana pengkaji hanya mengkaji 30 sampel eseai yang ditulis oleh pelajar sekolah ini daripada jumlah keseluruhan pelajar sekolah ini. Lantaran itu, untuk memastikan sama ada pelajar sekolah ini mahir dalam aspek ini atau tidak, lebih banyak sampel harus dikaji.

Walaupun tindakan pengkaji yang hanya menggunakan 30 orang sampel daripada jumlah pelajar tingkatan lima sekolah ini yang seramai 200 orang pelajar, tidak dapat menunjukkan atau mewakili pelajar sekolah ini lemah dalam aspek morfologi, akan tetapi tindakan pengkaji berbuat demikian adalah untuk menguji hipotesis pengkaji dan mengesan jenis kesilapan terutamanya kesilapan dalam aspek morfologi yang dilakukan oleh para pelajar sekolah ini.

Bagi hal yang berkaitan dengan kekerapan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar sekolah ini yang berdasarkan jantina mereka, pengkaji mendapati kesilapan yang dilakukan oleh kedua-dua jantina itu adalah lebih kurang sama. Analisis pengkaji yang berdasarkan eseai mereka, pengkaji mendapati pelajar lelaki melakukan sebanyak 58 kesilapan dalam aspek pengimbuhan (morfem terikat). Manakala pelajar perempuan pula melakukan sebanyak 48 kesilapan dalam aspek pengimbuhan (morfem terikat). Perbezaan jumlah kesilapan yang dilakukan oleh kedua-dua kumpulan pelajar sekolah ini adalah tidak jauh berbeza, iaitu hanya 10 kesilapan.

Dalam aspek morfem bebas pula, jumlah kesilapan yang dilakukan oleh kedua-dua kumpulan pelajar itu juga lebih kurang sama. Perbezaan antara kedua-dua kumpulan itu hanyalah sebanyak 4 kesilapan. Dalam hal ini para pelajar lelaki melakukan sebanyak 14 kesilapan manakala pelajar perempuan hanya melakukan sebanyak 10 kesilapan. Jadi berdasarkan dua aspek ini, maka pelajar sekolah ini dikatakan mempunyai tahap penguasaan aspek morfologi pada tahap yang paling rendah.

Analisis pengkaji yang mengkaji kekerapan kesilapan yang berdasarkan kaum pelajar pula, mendapati kekerapan kesilapan yang dilakukan itu tidak menunjukkan perbezaan yang besar. Walaupun terdapat perbezaan jumlah kesilapan yang dilakukan oleh pelajar mengikut kaum-kaum yang tertentu, akan tetapi masalah yang dihadapi oleh mereka adalah dalam aspek yang sama, iaitu aspek pengimbuhan. Hal ini jelas kelihatan ketika ketiga-tiga kumpulan pelajar ini cuba membentuk perkataan.

Berdasarkan kajian pengkaji dari sampel-sampel esei yang dikumpul dari pelajar sekolah ini, pengkaji mendapati pelajar kaum India melakukan kesilapan yang paling banyak, iaitu sebanyak 52 kesilapan (45 kesilapan dari aspek morfem terikat dan 7 kesilapan dari aspek morfem bebas). Ini diikuti oleh pelajar kaum Melayu yang melakukan sebanyak 43 kesilapan (29 kesilapan dari aspek morfem terikat dan 14 kesilapan dari aspek morfem bebas) dan kemudiannya pelajar kaum Cina yang hanya melakukan sebanyak 35 kesilapan (32 kesilapan dari aspek morfem terikat dan 3 kesilapan dari aspek morfem bebas).

Kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar ini baik dari kaum Melayu, Cina atau India lebih banyak tertumpu dalam imbuhan apitan terutamanya dalam imbuhan apitan meN-...-kan, me-...-i, dan pe-...-an. Pengkaji mendapati jumlah kesilapan aspek morfologi sebahagian besarnya disumbangkan oleh kesilapan penggunaan imbuhan apitan, iaitu sebanyak 94 kesilapan atau 32.87 % daripada keseluruhan kesilapan yang dilakukan. Hal yang sedemikian tidak menghairankan kerana dalam bahasa Melayu terdapat banyak perkataan yang diterbitkan melalui penggunaan imbuhan apitan. Jadi hal ini menunjukkan aspek ini merupakan masalah yang paling besar dihadapi oleh para pelajar ketika mempelajari bahasa Melayu.

Namun aspek-aspek lain seperti penggunaan imbuhan awalan, imbuhan akhiran, kata ganda, kata sendi dan aspek morfem bebas turut menyulitkan para pelajar sekolah ini dalam mempelajari bahasa Melayu.

Kesemua ini adalah berpunca dari faktor diri pelajar sendiri dan juga faktor luaran. Bagi faktor diri pelajar sendiri adalah pelajar sekolah ini kurang berminat dalam mempelajari bahasa Melayu. Begitu juga dengan diri mereka yang tidak mempunyai asas yang kukuh. Maka tidak hairanlah mereka lemah dalam bahasa Melayu.

Selain itu, tindakan pelajar yang tidak memberi perhatian semasa mata pelajaran bahasa Melayu dijalankan turut merupakan salah satu punca diri pelajar yang mengakibatkan mereka lemah dalam mata pelajaran bahasa Melayu ini. Tindakan yang

sedemikian menyebabkan mereka tidak dapat mengikuti pelajaran tersebut dengan baik dan seterusnya menyebabkan mereka lemah dalam mata pelajaran ini.

Tambahan itu bahasa pertuturan harian pelajar turut menyebabkan masalah ini berlaku. Hal ini kerana bahasa pertuturan harian lazimnya tidak menggunakan bahasa yang standard. Dalam pertuturan harian penggunaan imbuhan kerap ditinggalkan. Hal ini seterusnya mempengaruhi mereka ketika mempelajari bahasa Melayu yang standard.

Kecuaian turut merupakan punca yang menyumbangkan kepada pelajar sekolah ini dalam melakukan kesilapan. Ini merupakan punca semulajadi manusia ketika menghadapi peperiksaan yang mempunyai masa yang terhad. Jadi tidak hairanlah kesilapan akan berlaku pada saat tersebut.

Manakala faktor luaran turut membawa kepada kewujudan masalah tersebut kepada pelajar sekolah ini. Antaranya adalah seperti pengaruh media massa yang menggunakan bahasa Melayu yang silap, sukanan pelajaran bahasa Melayu yang tidak sesuai, misalnya terlalu luas dan umum, buku teks bahasa Melayu yang digunakan itu yang tidak sesuai dan pengaruh bahasa ibunda pelajar sendiri yang menyulitkan pembelajaran bahasa Melayu.

Terdapat beberapa cara atau langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah tersebut. Anatar langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah tersebut adalah seperti menanam minat pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu, menggalakkan

para pelajar membaca bahan-bahan bacaan yang menggunakan bahasa Melayu yang standard, memberi kelas pemulihan kepada pelajar yang lemah, mewujudkan ujian bulanan yang berbentuk subjektif seperti menulis eseai, menggalakkan pelajar melibatkan diri dalam aktiviti berbahasa dan mengupah guru yang berkaliber dalam mengajar mata pelajaran tersebut.

5.2 Cadangan Untuk Penyelidikan Yang Selanjutnya

Bagi mengesan penguasaan pelajar dalam bahasa Melayu terutamanya dalam aspek morfologi, kajian selanjutnya boleh dilakukan ke atas bahasa lisan yang digunakan oleh pelajar. Hal ini kerana pengkaji mendapati bahasa lisan pelajar mempengaruhi mereka ketika mempelajari bahasa Melayu. Lantaran itu kajian yang mendalam ke atas bahasa lisan pelajar harus dilaukan. Di samping itu, aspek-aspek yang berkaitan dengan fonetik yang terdapat dalam bahasa Melayu dan bahasa ibunda pelajar harus juga dikaji.

Selain itu, pengkaji juga mencadangkan kajian yang lebih khusus pada imbuhan apitan itu harus dilakukan. Maksud pengkaji di sini ialah tumpuan kajian hanya pada penggunaan imbuhan apitan. Pengkaji mencadangkan kajian yang sedemikian kerana pengkaji mendapati banyak pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong, Pulau Pinang ini melakukan kesilapan dalam penggunaan imbuhan jenis ini ketika membentuk kata.

Lebih-lebih lagi kajian pengkaji dalam kajian ini bukan sahaja tertumpu pada jenis imbuhan ini tetapi juga pada jenis imbuhan yang lain seperti imbuhan awalan, imbuhan akhiran dan juga aspek morfologi yang lain. Oleh itu kajian yang lebih mendalam pada jenis imbuhan ini boleh dilakukan lagi.

Di samping itu, kajian tentang aspek morfologi ini turut harus dilakukan pada pelajar di beberapa buah sekolah dan bukan sahaja hanya dilakukan pada sebuah sekolah. Kajian itu juga harus dilakukan di pelbagai peringkat persekolahan, iaitu meliputi sekolah rendah dan sekolah menengah. Kalau bolehnya meliputi juga sehingga ke peringkat universiti. Tujuan pengkaji mencadangkan hal yang sedemikian adalah untuk memastikan hasil dapatan kajian yang lebih tepat.

Jadi melalui kajian yang sedemikian, maka hasil kajian ini dapatlah dijadikan sebagai panduan kepada pihak guru dalam mengesan kesilapan yang dilakukan oleh pelajar mereka dan seterusnya langkah-langkah tertentu boleh diambil untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar ketika mempelajari sesuatu bahasa.

Hasil kajian ini turut boleh dijadikan sebagai panduan kepada para penyelidik yang bakal melakukan penyelidikan yang sedemikian. Tambahan itu bahan kajian ini turut boleh dijadikan sebagai satu rujukan yang boleh digunakan untuk mencadangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk memperbaiki atau mengatasi masalah pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu sebelum masalah itu menjadi lebih serius lagi.

Penyelidikan ke atas aspek penggandaan itu juga harus dilakukan. Sungguhpun pengkaji dalam kajian ini hanya dapat mengesan beberapa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam aspek ini, namun ini tidak bermakna pelajar lebih mahir dalam aspek ini. Jadi kajian dalam aspek ini juga harus dilakukan untuk mencari satu kepastian.

5.3 Kesimpulan

Kesimpulannya pengkaji mendapati punca utama pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong ini lemah dalam mata pelajaran bahasa Melayu terutamanya dalam aspek morfologi adalah disebabkan oleh mereka tidak mempunyai asas bahasa Melayu yang kukuh. Misalnya mereka langsung tidak memahami apakah itu Hukum Morfonem yang merupakan asas utama dalam membentuk sesuatu kata dengan betul dan tepat. Jadi pelajar sekolah ini akan menghadapi kesulitan ketika mempelajari bahasa Melayu.

Selain itu punca-punca lain seperti yang dinyatakan pada bad yang keempat turut menyumbangkan kepada masalah kelemahan morfologi pada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Jelutong. Dalam menangani masalah ini bukanlah pihak kerajaan atau guru sahaja yang patut diserahkan tanggungjawab yang sedemikian, tetapi pihak ibubapa dan pelajar sendiri seharusnya memainkan peranan ini bersama. Tindakan yang wajar itu haruslah diambil dengan segera mungkin bagi mengelakkan masalah itu daripada menjadi lebih serius lagi.